

PM YAKIN MALAYSIA AKAN TERUS TARIK PELABUR ASING

KUALA LUMPUR 3 April —
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad yakin Malaysia
akan terus menarik pelabur
asing walaupun terpaksa
menghadapi saingan hebat
negara Asia-Pasifik lain
kerana rekod iklim
pelaburannya yang baik
telah terbukti.
Kehadiran banyak firma
besar Amerika Syarikat di
sini menunjukkan keyakinan
mereka yang berterusan
terhadap negara ini.
Kehadiran mereka ini
menjadi bukti keupayaan
dan kepercayaan.
"Sebagai tambahan insentif
pelaburan baru yang telah

diperkenalkan akan terus
membuat Malaysia sebuah
pusat pelaburan yang
menarik," tambah Perdana
Menteri semasa berucap di
persidangan ke-37 Majlis
Dewan Perniagaan Amerika
Syarikat di Rantau Asia-
Pasifik yang bermula di sini
hari ini.
Datuk Sri Dr. Mahathir
berkata, pada tahun lalu
sahaja daripada 448 projek
yang diluluskan, 25
daripadanya datang dari
Amerika Syarikat dan 60
peratus daripadanya
merupakan rancangan
pembesaran projek yang
sedia ada.

Beliau juga memberitahu,
sekarang terdapat \$287.6
juta modal Amerika
Syarikat sedang bergerak
di negara ini manakala nilai
harta tetapnya pula
mencapai \$663.7 juta.
Angka itu, katanya, belum
termasuk pelaburan
syarikat - syarikat gergasi
mereka yang dilaburkan di
negara ini melalui negara
ketiga seperti Bermuda,
Hong Kong, Singapura dan
Eropah serta penanaman
modal beberapa buah
syarikat minyak utama
mereka.
"Jelas sekali ini
menunjukkan keyakinan
yang berterusan di
kalangan pelabur - pelabur
Amerika Syarikat yang
sedia ada di negara ini
terhadap iklim pelaburan

LIHAT MUKA 6

PM YAKIN MALAYSIA AKAN TERUS TARIK PELABUR ASING

Malaysia," tegas beliau. Katanya, Malaysia sedar wujudnya persaingan hebat antara negara - negara Asia-Pasifik untuk menarik pelabur - pelabur asing tetapi rekod baik yang dipunyai oleh negara ini menjadi bukti utama. "Malaysia yakin dengan prestasi yang telah ditunjukkan dan mana-mana pelabur asing yang menanam modal di negara ini atau di rantau Asia Tenggara boleh mengharapkan pulangan pelaburan yang menguntungkan," katanya.

Dua syarikat asing yang menjadi rakan kongsi dua projek bersama ASEAN sedang menikmati keuntungan yang besar sekarang, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir. Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berharap pelabur - pelabur Amerika Syarikat merebut peluang untuk melabur di negara ini yang ternyata mempunyai sumber - sumber tenaga, bahan mentah dan kestabilan politik yang diperlukan. Saya percaya kedua - dua pihak akan menerima

faedah yang besar kerana ~~UM~~ pelabur Amerika mempunyai kepakaran teknologi dan negara ini mempunyai sumber - sumber asli yang diperlukan sebagaimana dikecapi oleh pelabur - pelabur Amerika yang ada di sini sekarang. "Saya berharap Malaysia akan dipilih sebagai tempat untuk rancangan pembesaran syarikat - syarikat tuan-tuan di rantau ini," gesa Datuk Sri Dr. Mahathir. Beliau juga menyatakan, walaupun Malaysia sentiasa membuka pintunya kepada

~~UM~~ pelabur ~~APR 1987~~ tetapi keutamaan diberikan kepada usahawan Amerika Syarikat kerana mereka mempunyai teknologi dan kepakaran yang boleh mereka ditawarkan. "Kami harap pelabur Amerika dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara ini dengan memindahkan pengetahuan dan kepakaran mereka ke sini," ujarnya. Menyentuh tentang amalan perlindungan yang

diamalkan oleh Amerika Syarikat sekarang, Datuk Sri Dr. Mahathir mengalu-alukan tindakan Majlis Dewan Perniagaan Amerika Syarikat rantau Asia-Pasifik yang meminta pentadbiran Reagan menolaknya.

Mengenai pasaran bersama ASEAN, Perdana Menteri berkata, ia sedang diusahakan sekarang dan diharapkan pelabur - pelabur Amerika Syarikat menyertainya apabila ia menjadi kenyataan kerana penduduk 250 juta di

rantau ini mempunyai kuasa membeli yang jauh lebih besar daripada penduduk China yang beribu juta itu. Berhubung dengan program memperkenalkan Malaysia di pasaran antarabangsa setelah beberapa insentif menarik ditawarkan sejak Oktober tahun lalu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) akan mengadakan siri lawatan dan perjumpaan dengan ahli perniagaan Boston, Dallas, St. Louis dan Washington pada Mei hingga Jun depan. Seminar pelaburan dan perdagangan akan juga diadakan di Los Angeles, Chicago dan New York pada September, Oktober tahun ini, jelas beliau.